


REV Media, Dattel Asia perkenal pengiklanan AI untuk PKS

Mac 8, 2022 @ 11:37am



PETALING JAYA: Penerbit digital terkemuka Malaysia, REV Media Group (RMG) menjalin kerjasama dengan syarikat data dan analisis pengguna, Dattel Asia Group (DAG), untuk muncul sebagai penerbit tempatan pertama di Malaysia yang membangunkan platform layan diri yang memperkasakan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dengan pengiklanan berdasarkan data.

Kolaborasi ini menawarkan satu penyelesaian unik dalam memperkasakan jenama dan agensi untuk menyasar audien berdasarkan pandangan pengguna strategik.

Syarikat itu dalam satu kenyataan berkata, platform layan diri itu, yang dikuasakan oleh kecerdasan buatan (AI) untuk menyasar audien dengan lebih baik, dikenali sebagai REV Ad Manager (RAM).

Ia katanya, platform itu akan membolehkan PKS memanfaatkan data dari platform untuk membuat keputusan pemasaran yang baik.

"RAM bertindak sebagai titik permulaan untuk menjalankan kempen pengiklanan dan mencapai audien ideal untuk PKS mengembangkan perniagaan mereka. Dalam erti kata lain, RAM adalah alat yang membolehkan anda mengenal pasti pelanggan, membuat iklan dan seterusnya menguruskan mereka dengan lebih mudah.

"Gandingan kedua syarikat ini juga turut memberi peluang kepada PKS untuk memanfaatkan 15.8 juta pelawat unik pada rangkaian audien RMG, mencapai 80 peratus rakyat Malaysia setiap bulan dan kadar istimewa serendah RM1,000 dengan jaminan 100,000 capaian audiens.

"Apakah manfaatnya kepada PKS? Kebiasaannya PKS tidak mempunyai akses kepada data pasaran dan mereka hanya meneka secara rambang siapakah potensi pasaran sasaran mereka. Kini, mereka boleh mengenal pasti target pasaran dan memastikan perbelanjaan pengiklanan mereka memberikan pulangan pelaburan yang terbaik," kata kenyataan itu.

Di samping itu, kadar istimewa itu direka untuk memastikan bahawa sebagai sebahagian daripada proses pemulihan ekonomi, PKS mempunyai lebih banyak pilihan mampu milik untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan mereka.

Ketua Pegawai Eksekutif DAG, Ashran Dato Ghazi berkata: "Menyasarkan audiens yang tepat adalah penting dalam mana-mana aspek perniagaan. Kami mahu membantu dan memperkasakan PKS dengan data dan yang paling penting dapat membawa hasil."

Ketua Pegawai Eksekutif DAG, Ashran Dato Ghazi berkata: "Menyasarkan audiens yang tepat adalah penting dalam mana-mana aspek perniagaan. Kami mahu membantu dan memperkasakan PKS dengan data dan yang paling penting dapat membawa hasil."

Tambahnya lagi, bukan sahaja PKS mempunyai lebih banyak pilihan mampu milik untuk berbuat demikian, tetapi juga mendapat peluang untuk memanfaatkan rangkaian pelawat unik mudah alih terbesar di Malaysia.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif RMG, Samuel Wee berkata: "Berlalu sudah hari di mana pemilik perniagaan PKS dan agensi perlu memperoleh data secara tradisional dan mencipta persona untuk memadankan sasaran audiens mereka.

"Enjin pengesyoran berkuasa AI kami akan mengesyorkan aset media terbaik yang lebih optimum untuk audiens pasaran anda yang akan memudahkan agensi dan jenama".

Salah satu ciri unik yang dicipta dari kerjasama ini ialah menggunakan audiens pasaran untuk mencipta berbilang persona bagi jenama termasuk memanfaatkan 28 Tingkah Laku Archetypes dan 12 Ciri Nilai Pengguna.

RAM menawarkan kepada mana-mana agensi yang berminat untuk memohon dan menjadi REV Marketing Partners. Pemohon yang berminat boleh memohon di sini -

<https://www.dattel.asia/rev-marketing-partner-registration/>.

"Bagi jenama PKS, manfaatkan peluang ini sepenuhnya dengan bekerjasama dengan REV Marketing Partners kami. Kami telah memperakui dan melantik sekumpulan agensi sebagai REV Marketing Partners yang akan membantu PKS dalam perjalanan pengiklanan mereka.

"REV Marketing Partners kami termasuk Zen Communications, BookAD, BrandGeeks, Commerce.Asia, DreamTalents Media, Orion Digital, Phar Partnerships, MedADS, Pixelsy Solutions, FourSeven Media dan Messe Worldwide," katanya

Pihak yang berminat boleh menghubungi REV Marketing Partners untuk kempen pemasaran yang diperbadikan, menyasarkan laman web premium Malaysia dan yang paling penting menyokong ekosistem tempatan. Layari

<https://www.dattel.asia/our-rev-marketing-partners/>.